



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


16 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 213 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 244,217 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 108 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 236,443 orang. Manakala 761 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 413 orang di hospital, 340 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, tujuh (7) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 32 orang merangkumi 28 di ICU/repurposed kritikal care serta empat (4) di *open ward* (*HDW/kubikel akut*) dan sembilan (9) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 22 (24.72%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Jingga tujuh (7) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Secara keseluruhan, kedudukan kes harian di Sabah bertambah baik hari ini kecuali Tambunan yang mencatatkan satu (1) kluster baharu. Jumlah kes baharu ialah 213 kes, penurunan 52 kes berbanding semalam.
- b. Kota Kinabalu mencatatkan 47 kes baharu dengan penyusutan 23 kes berbanding jumlah semalam tetapi kekal penyumbang kes harian tertinggi di negeri ini. Daerah Tambunan menjadi penyumbang kedua tertinggi hari ini dengan 36 kes, di mana 34 daripada kes tersebut datang daripada satu (1) kluster baharu, Kluster Jalan Kepayan Lama.
- c. Kluster baharu yang dinamakan Kluster Jalan Kepayan Lama telah diisyiharkan di Tambunan. Kluster ‘institusi pendidikan’ ini melibatkan seorang pelajar asrama (indeks kes) SMK Tambunan yang berumur 18 tahun dan didapati positif setelah menjalani ujian kendiri dan ujian pengesahan COVID-19 RTK Antigen kerana bergejala. Saringan COVID-19 seterusnya telah dibuat keatas kontak rapat iaitu di kalangan rakan-rakan seasrama telah mendapat 35 orang lagi didapati positif. Siasatan lanjut yang dibuat oleh JKNS menunjukkan setakat ini jangkitan dan penularan virus terhad di kalangan pelajar-pelajar yang tinggal di asrama yang sama. Semua pelajar yang terlibat telah pun diasangkan untuk rawatan yang sesuai.
- d. Sebanyak 209 daripada 213 kes yang direkodkan adalah dalam Kategori 1 dan 2. Terdapat empat (4) kes dalam Kategori 3, manakala tidak ada kes dalam Kategori 4 dan 5.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (110) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	37	17.3%
2	Bergejala	50	23.47%
3	Kontak	110	51.64%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	16	7.51%
JUMLAH		213	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (15 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 15/01/2022	Catatan Kes 16/01/2022	Perbandingan
1	Tambunan	3	36	+33
2	Tawau	8	11	+3
3	Putatan	13	15	+2
4	Kota Marudu	5	6	+1
5	Telupid	0	1	+1
6	Pitas	0	1	+1
7	Tenom	6	6	Mendatar
8	Kunak	0	0	Mendatar
9	Nabawan	0	0	Mendatar
10	Kinabatangan	0	0	Mendatar
11	Kalabakan	0	0	Mendatar
12	Kota Kinabalu	70	47	-23
13	Kota Belud	18	5	-13
14	Ranau	23	11	-12
15	Papar	23	14	-9
16	Keningau	13	6	-7
17	Beaufort	10	4	-6
18	Lahad Datu	5	0	-5
19	Sandakan	10	7	-3
20	Kuala Penyu	6	3	-3
21	Sipitang	4	1	-3
22	Tongod	3	0	-3
23	Kudat	2	0	-2
24	Tuaran	19	18	-1
25	Penampang	19	18	-1
26	Beluran	4	3	-1
27	Semporna	1	0	-1
JUMLAH		265	213	-52

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (2 Januari – 15 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	37	9	0	1	47	595
Tambunan	34	1	1	0	0	36	122
Penampang	0	12	5	0	1	18	289
Tuaran	0	13	5	0	0	18	332
Putatan	0	8	7	0	0	15	91
Papar	0	8	5	0	1	14	194
Ranau	0	5	1	0	5	11	238
Tawau	0	7	0	0	4	11	63
Sandakan	0	3	4	0	0	7	100
Keningau	0	5	1	0	0	6	159
Tenom	0	2	3	0	1	6	100
Kota Marudu	0	3	3	0	0	6	120
Kota Belud	0	3	2	0	0	5	233
Beaufort	0	1	2	0	1	4	102
Kuala Penyu	3	0	0	0	0	3	98
Beluran	0	1	1	0	1	3	33
Sipitang	0	0	0	0	1	1	56
Telupid	0	0	1	0	0	1	27
Pitas	0	1	0	0	0	1	20
Lahad Datu	0	0	0	0	0	0	28
Tongod	0	0	0	0	0	0	24
Kudat	0	0	0	0	0	0	28
Semporna	0	0	0	0	0	0	8
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	34
Nabawan	0	0	0	0	0	0	29
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	7
Kunak	0	0	0	0	0	0	6
JUMLAH	37	110	50	0	16	213	3,136

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tambunan	Kluster Jalan Kepayan Lama Tambunan	34
Kuala Penyu	Kluster Kayul	3
Jumlah		37

6 Terdapat **satu (1) kluster** baharu direkodkan hari ini.

Kluster Jalan Kepayan Lama - Tambunan adalah kluster jenis institusi pendidikan iaitu Asrama Lelaki SMK Tambunan yang hanya menular di dalam institusi dan tiada jangkitan di luar lokaliti. Kes indeks ialah lelaki tempatan, 18, merupakan pelajar asrama yang mula bergejala sejak 09 Januari 2022. Kes indeks kemudiannya disahkan positif COVID-19 pada 13 Januari 2022 melalui saringan ujian kendiri dan terus dikuarantin. Ujian pengesahan COVID-19 yang dijalankan pada 14 Januari 2022 di klinik pula mendapati kes indeks positif RTK Antigen. Hasil saringan kontak rapat terhadap rakan-rakan asrama juga mengesan 35 lagi kes positif menjadikan jumlah kumulatif kluster ini sebanyak 36 kes. Semua kontak yang positif telah diasingkan dan diberi rawatan yang sesuai.

7 Jumlah kapasiti katil 3,838 unit

- Hospital 1,241 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,407 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 19.83%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 16 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	210
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	213

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Indonesia	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	209
Bukan Malaysia	4
Jumlah	213

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	22
Belum Menerima Vaksin	12
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	163
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	16
Jumlah	213

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	2
1 to 5	9
6 to 11	11
12 to 17	30
18 to 25	53
26 to 59	90
>60	18
Jumlah	213

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 15 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 7,426 orang. Daripada jumlah ini, seramai 7,375 orang adalah penduduk dewasa dan 51 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 15 Januari 2022 adalah seramai 2,452,510 orang. Ini meliputi 2,115,606 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.70% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,408,124 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,095,835 orang atau 75.98% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,904 orang atau 77.63% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,289 atau 71.96% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **679,943** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 6,781 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 47 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 127 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 57 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiga (3) tangkapan dibuat iaitu di bawah Enakmen Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,757 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak enam (6) notis dikeluarkan oleh Majlis Daerah Penampang. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 425 premis perniagaan dan 22, 248 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 211 Premis Perniagaan melibatkan 106 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 64 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 79 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.1%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.5%
2	Kinabatangan	98.4%
3	Beluran	98.4%
4	Semporna	98.3%
5	Beaufort	98.3%
6	Sipitang	98.3%
7	Kota Marudu	98.2%
8	Tawau	98.2%
9	Keningau	98.2%
10	Sandakan	98.1%
11	Kudat	98.1%
12	Tenom	98.1%
13	Lahad Datu	98%
14	Papar	98%
15	Kota Kinabalu	98%
16	Ranau	97.9%
17	Kota Belud	97.9%
18	Tuaran	97.9%
19	Penampang	97.8%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II